



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI SEMBILAN, 2025

KDNK Negeri Sembilan berkembang 2.6 peratus pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan kekal tonggak ekonomi negeri

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI SEMBILAN, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "KDNK Negeri Sembilan bernilai RM55.8 bilion pada 2025 berbanding RM54.3 bilion pada tahun sebelumnya, dengan pertumbuhan 2.6 peratus."

Dari segi struktur ekonomi Negeri Sembilan pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu ekonomi yang merangkumi sumbangan 53.1 peratus dan diikuti oleh sektor Pembuatan 37.3 peratus. Sektor Pertanian menyumbang 6.2 peratus manakala sektor Pembinaan menyumbang 2.7 peratus. Selainnya, disumbangkan oleh sektor Perlombongan & pengkuarian.

Prestasi ekonomi Negeri Sembilan disokong oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 3.0 peratus (2024: 4.6%) dengan nilai ditambah berjumlah RM29.6 bilion. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan dan Perkhidmatan Kerajaan dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan 4.7 peratus dan 5.4 peratus.

Sektor Pembuatan Negeri Sembilan mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 1.9 peratus (2024: 3.9%) dengan nilai ditambah berjumlah RM20.8 bilion pada tahun 2025. Pertumbuhan ini dipacu oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal serta Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka dengan masing-masing merekodkan pertumbuhan 3.9 peratus dan 3.3 peratus. Meskipun begitu, prestasi sektor Pembuatan diperlahankan oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang menyusut 3.9 peratus khususnya disumbangkan oleh kelembapan Produk petroleum bertapis.

Sementara itu, sektor Pertanian negeri ini turut mencatatkan pertumbuhan sederhana 1.2 peratus (2024: 8.5%) dengan nilai ditambah RM3.4 bilion. Prestasi yang lebih perlahan ini dipengaruhi oleh kejatuhan subsektor Tanaman khususnya Kelapa sawit yang merupakan penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 41.8 peratus kepada keseluruhan subsektor. Namun demikian, subsektor Ternakan merekodkan peningkatan ketara sebanyak 5.0 peratus (2024: 2.4%) dan seterusnya membantu menampakan kesan penyusutan subsektor Tanaman.

Sektor Pembinaan menyumbang nilai ditambah sebanyak RM1.5 bilion turut berkembang sederhana 1.2 peratus (2024:7.5%) didorong oleh subsektor Pembinaan bangunan. Pada masa yang sama, sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pemulihan sebanyak 6.9 peratus berbanding kemerosotan 4.2 peratus pada tahun 2024 dengan nilai ditambah berjumlah RM231.6 juta.


Dari segi KDNK per kapita, Negeri Sembilan merekodkan peningkatan sebanyak RM1,366 iaitu daripada RM54,039 pada tahun 2024 kepada RM55,406.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Negeri Sembilan, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

NEGERI SEMBILAN GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

Negeri Sembilan recorded a 2.6 per cent GDP growth in 2025, with the Services sector continuing to serve as the backbone of the state's economy

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **NEGERI SEMBILAN GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The GDP of Negeri Sembilan was valued at RM55.8 billion in 2025 compared to RM54.3 billion in the previous year, registering a growth rate of 2.6 per cent."

In terms of Negeri Sembilan's economic structure in 2025, the Services sector remained as the key driver, contributing 53.1 per cent followed by the Manufacturing sector at 37.3 per cent. The Agriculture sector accounted for 6.2 per cent while the Construction sector contributed 2.7 per cent. The remaining share was attributed by the Mining & quarrying sector.

Negeri Sembilan's economic performance was supported by the Services sector which expanded by 3.0 per cent (2024: 4.6%) with a value added of RM29.6 billion. This growth was largely driven by the Utilities, transportation & storage and ICT subsector which recorded marginal growth of 0.1 per cent as compared to 6.5 per cent in the previous year. In addition, the Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation subsectors, together with Government Services, each recording growth of 4.7 per cent and 5.4 per cent respectively.

The Manufacturing sector in Negeri Sembilan recorded moderate growth by 1.9 per cent (2024: 3.9%) with a value added of RM20.8 billion in 2025. This expansion was anchored by the Electrical, electronic, and optical products as well as the Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products, each recording growth of 3.9 per cent and 3.3 per cent respectively. However, the performance of the Manufacturing sector was dampened by the Petroleum, chemical, rubber and plastic products subsector, which contracted by 3.9 per cent, primarily due to the slowdown in Refined petroleum products.

Meanwhile, the Agriculture sector in Negeri Sembilan registered moderate growth of 1.2 per cent in 2025 (2024: 8.5%) with a value added of RM3.4 billion. The subdued performance was influenced by the downturn in the Crops subsector particularly oil palm, which remained the main contributor, accounting for 41.8 per cent of the subsector. Nonetheless, the Livestock subsector attained marked improvement of 5.0 per cent (2024: 2.4%), thereby cushioning the contraction in the Crops subsector.

The Construction sector contributed a value added of RM1.5 billion and registered moderate growth of 1.2 per cent in 2025 (2024: 7.5%) underpinned by the Building construction subsector. Concurrently, the Mining and quarrying sector recorded a recovery of 6.9 per cent in 2025 compared to a contraction of 4.2 per cent in 2024, with a value added of RM231.6 million.


As for GDP per capita, Negeri Sembilan recorded an increase of RM1,366, advancing from RM54,039 in 2024 to RM55,406.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Negeri Sembilan's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**